


Sekolah Popular di Malaysia

SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT) PALING CEMERLANG



09595
OH

MOHD SHUKOR SALLEH

SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA

SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT) PALING CEMERLANG

Amman

MOHD SHUKOR SALLEH
013 5287227



Terima Kasih
Tun
Jasamu dikenang
selalu.




PUSTAKA PERDANA



1013984

© PUSTAKA EWAN



© PUSTAKA EWAN
Terbitan 2023

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada PUSTAKA EWAN.

PUSTAKA EWAN
57-1, Jalan Pendidikan 3,
Taman Universiti,
81300 Skudai,
Johor Bahru, Johor.
TEL.: 019-3817468

Perpustakaan Data Pengkatalogan-
Negara Malaysia dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-
SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT)
PALING CEMERLANG / MOHD SHUKOR
SALLEH.
(SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA)
ISBN 978-967-377-139-4 (set)
ISBN 978-967-377-136-3
1. Schools--Malaysia.
2. Boarding schools.
I. Judul. II. Siri.
371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)



KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

7

- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 1
- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 2
- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 3
- Senarai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 4
- Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 5
- Senarai SBT Terkini

2 Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah

18

- Sejarah Sekolah
- Pengurusan dan Pentadbiran
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Kurikulum
- Pengurusan Kokurikulum
- Pengurusan Hal Ehwal Murid
- Pengurusan Pembangunan Sumber Sekolah
- Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling
- Pengurusan Hubungan Luar
- Prinsip dan Amalan Kerja
- Lagu Sekolah

3 Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George (SMKPSG), Jalan Macalister, Pulau Pinang

28

- Sejarah Sekolah
- Pentadbiran Sekolah
- Pencapaian Sekolah
- Visi dan Misi Sekolah
- Logo Sekolah
- Piagam Sekolah
- Lagu Sekolah

4 Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah

33

- Sejarah Sekolah
- Pencapaian Sekolah

5 Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul, Gelugor, Pulau Pinang

39

- Sejarah Sekolah
- Senarai Pengetua
- Bendera Sekolah
- Lencana Sekolah
- Misi dan Matlamat Sekolah
- Moto Sekolah
- Pencapaian

6 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat (SMKDPB), Pontian, Johor **43**

- Sejarah Sekolah
- Menempah Nama
- Kejayaan demi Kejayaan
- Sekolah Kluster Kecemerlangan
- Pencapaian Sekolah

7 Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Empat, Bandar Baru Bangi, Selangor **46**

- Sejarah Sekolah
- Lagu Sekolah
- Majalah Sekolah
- Nama Kelas
- Rumah Sukan
- Ketua Murid

8 Sekolah Menengah Imtiaz, Kuala Terengganu, Terengganu **49**

- Latar Belakang sekolah
- Misi
- Visi
- Objektif
- Fungsi
- Piagam Pelanggan
- Pencapaian SM Imtiaz

9 Sekolah Menengah King Edward VII, Taiping, Perak **52**

- Edward VII dari United Kingdom
- Sejarah Penubuhan
- Latar Belakang SMKEVII
- Rumah Sukan
- Sejarah Ragbi
- Lagu dan Ikrar Sekolah
- Pengetua dan Pemangku Sekolah
- Alumni
- Terkini

10 Sekolah Menengah Agama Naim Lil-Banat (SMKANL), Kota Bharu, Kelantan **59**

- Sejarah Sekolah
- Menjadi Tenaga Pengajar
- Penyumbang
- Lulusan Sekolah SMKANL
- Upacara Perasmian
- Peruntukan daripada KPM
- Pencapaian Sekolah

11 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka **64**

- Sejarah Sekolah
- Pencapaian Sekolah

12 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Muhammad (SMISS), Batu Berendam, Melaka **65**

- Matlamat Penubuhan
- Sejarah Sekolah
- Prinsip Sekolah
- Logo Sekolah
- Lagu Sekolah
- Enrolmen
- Senarai Pengetua
- Kemudahan dan Kegiatan Sekolah
- Tingkatan Enam
- Pakej Mata Pelajaran
- Kegiatan Luar
- Kejayaan dan Pencapaian
- Program Kecemerlangan
- SUMUR
- Tokoh SUMUR (Anugerah Khas)
- Program Penanda Aras dan Pengantarabangsa
- Galeri Warisan
- Program Kemerdekaan
- Objektif Kejayaan
- All About Youth
- Pencapaian Sekolah
- Alumni

PENDAHULUAN

Buku siri *SEKOLAH POPULAR DI MALAYSIA* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajarinya bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) telah mendefinisikan Sekolah Berprestasi Tinggi atau SBT ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai etos, watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah SBT ini mempunyai tradisi budaya kerja yang sangat tinggi dan cemerlang dengan modal insan nasional yang berkembang secara holistik dan berterusan serta mampu berdaya saing di persada antarabangsa. Justeru, SBT menjadi sekolah pilihan utama pilihan ibu bapa dan pelajar yang ingin kan kecemerlangan.



Sekolah Kebangsaan (P) Methodist Kuantan salah sebuah sekolah berprestasi tinggi

Sasaran utama Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk meletakkan semua SBT sebagai penanda aras dalam soal kecemerlangan pendidikan, supaya menjadi contoh dan teladan kepada semua sekolah di negara ini. Maksud KOHORT pula adalah seperti berikut:

1	Kohort – Kumpulan taksonomi tidak tetap yang digunakan dalam cara berlainan oleh pakar yang berlainan, misalnya kumpulan dalam taraf di atas superorder, kumpulan di antara kelas dan order, atau kumpulan famili yang berkaitan.
2	Taksonomi – kajian tentang prinsip, peraturan, dan amalan dalam pengelasan organisma hidup berdasarkan persamaan dan perbezaan sifat organisma itu.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 1

Berikut merupakan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 1.

Bil	Jenis Sekolah	Nama sekolah	Alamat
1	SBP	Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)	Jalan Tun Abdul Razak, 33000, Kuala Kangsar, Perak
2	SBP	Sekolah Seri Puteri	Persiaran Tasik, 63000, Cyberjaya, Selangor
3	SBP	Sekolah Sultan Alam Shah	Parcel G, Presint 1, 62520, Putrajaya
4	SBP	Kolej Tunku Kurshiah	Jalan Tunku Kurshiah, 70400, Seremban, Negeri Sembilan
5	SBP	Kolej Islam Sultan Alam Shah	Peti Surat 64, Jalan Kota Raja, Kg. Jawa, 41906, Klang, Selangor
6	SBP	Sekolah Dato' Abdul Razak	Sungai Gadut, 71450, Seremban, Negeri Sembilan
7	SBP	Sekolah Tun Fatimah	Jalan Tun Abdul Razak, 80000, Johor Bharu, Johor
8	SBP	Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim	06009, Jitra, Kedah
9	SBP	Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra	Jalan Padang Behor, Behor Pulau, 01000, Kangar, Perlis
10	SBP	Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah	Ayer Keroh, 75450, Melaka
11	SMH	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George	Jalan Macalister, 10450, Pulau Pinang
12	SMH	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Aman	Jalan 14 atau 49, 46100, Petaling Jaya, Selangor
13	SMH	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma	Jalan Langgar, 05460, Alor Setar, Kedah
14	SMH	Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki	Jalan Kampung Pandan, 55100, Kuala Lumpur

15	SK	Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Utara	Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur
16	SK	Sekolah Kebangsaan Zainab (2)	Jalan Telipot, 15150, Kota Bharu, Kelantan
17	SK	Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Uda 2	Jalan Padi Mahsuri, 81200 Bandar Baru Uda, Johor Bharu, Johor
18	SK	Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara	Jalan Beringin, Bukit Damansara, Kuala Lumpur
19	SK	Sekolah Kebangsaan Convent Kota	Jalan Convent, 34000 Taiping, Perak
20	SK	Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail 1	Jalan Aminuddin Baki, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 2

Yang berikut merupakan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 2.

Bil	Jenis Sekolah	Nama sekolah	Alamat
1	SBP	Sekolah Menengah Sains Alam Shah	Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur
2	SBP	Sekolah Tuanku Abdul Rahman	Jalan Sultan Azlan Shah, 31400, Ipoh, Perak
3	SBP	SBP Integrasi Gombak	Batu 8, Jalan Sg. Pusu, 53100, Kuala Lumpur
4	SBP	Sekolah Menengah Sains Miri	Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak
5	SBP	Sekolah Menengah Sains Seri Puteri	Jalan Kolam Air, 51200, Kuala Lumpur
6	SBP	SBP Integrasi Kubang Pasu	Bukit Kayu Hitam, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah
7	SBP	Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra	16100, Pengkalan Chepa, Kelantan

Tahukah anda sekolah yang tertua di Malaysia? Apakah nama sekolah berasrama penuh menengah atas untuk semua pelajar lelaki dan semua pelajar perempuan sahaja? Apakah maksud SBP Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)?

Semua pertanyaan itu akan terjawab dengan membaca buku dalam siri **Sekolah Popular di Malaysia** ini. Siri ini diterbitkan untuk memberikan informasi kepada pelajar dan ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka ke sekolah berprestij di negara kita. Siri ini mempunyai empat buah judul yang memaparkan pelbagai informasi yang padat dan bermanfaat. Antaranya keistimewaan yang terdapat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti peluang belajar bahasa antarabangsa seperti Arab, Jepun, Jerman, Perancis, Mandarin dan Korea. Malahan, untuk menarik minat para pembaca, cerita dalam siri ini disulami dengan gambar yang cantik serta perbendaharaan kata yang merangkumi pelbagai laras bahasa. Justeru, ibu bapa dan pihak sekolah mestilah mendapatkan siri ini sebagai bahan bacaan di rak buku kerana pembelian anda amatlah berbaloi. Selamat Membaca!

Buku-buku dalam siri ini ialah:



Sekolah Kluster Paling Cemerlang



Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Paling Cemerlang



Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Paling Cemerlang



Sekolah Menengah Sains Paling Cemerlang

